



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 31/2025

PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 NEGERI JOHOR : 'BELIA MADANI, YAKIN BOLEH!' CAPAI SASARAN

25 MEI 2025

Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Negeri Johor telah berlangsung selama tiga hari mulai 23 hingga 25 Mei 2025 di Toppen Shopping Centre, Johor Bahru, Johor. Pelaksanaan program berskala kecil bagi lokasi pertama tahun ini merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai kementerian peneraju dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Pejabat Perdana Menteri.

Majlis Perasmian Program MADANI Rakyat 2025 Negeri Johor telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 23 Mei 2025 yang turut dihadiri oleh YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan. YAB Perdana Menteri menekankan keperluan untuk mengangkat peranan anak muda dalam pembangunan negara.

PMR 2025 Negeri Johor dengan tema "**Belia MADANI, Yakin Boleh!**" telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk Negeri Johor khususnya di daerah Johor Bahru. Kepelbagaian pengisian dan perkhidmatan yang ditawarkan telah berjaya menarik **lebih daripada 136,000 orang pengunjung sepanjang tiga hari program ini diadakan.**

Pengisian program melibatkan pembukaan 19 reruai kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta sektor swasta. Antara komponen yang telah disediakan adalah sebanyak 134 perkhidmatan *touchpoint* rakyat, penglibatan 8 usahawan belia, 12 majikan di karnival kerjaya, 24 sesi libat urus pentas dan 7 program satelit.

Selain itu, KBS turut mengadakan **dua program Komuniti Rakyat MADANI iaitu Kenduri dan Gotong-royong di PPR Larkin dan Projek Rumah Rakit di Jeti Kampung Mawai Lama, Kota Tinggi.**

Kenduri dan Gotong-royong di PPR Larkin adalah program kerjasama KBS dengan Kementerian Perpaduan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri. Antara aktiviti yang dijalankan adalah gotong royong perdana, gotong royong kenduri rakyat, saringan kesihatan percuma, gunting rambut percuma, tukar minyak hitam motosikal percuma, khidmat nasihat farmasi/ produk kesihatan, saringan HPV percuma dan bengkel penanaman cendawan.

Seramai 250 orang penduduk dan 80 orang SATRIA telah terlibat dalam program Komuniti Rakyat MADANI di PPR Larkin. Program juga turut menyampaikan **sumbangan peralatan sukan iaitu 100 unit raket, 50 unit bola sepak dan barangan keperluan asas kepada penduduk setempat.**

Projek Rumah Rakit di Jeti Kampung Mawai Lama, Kota Tinggi telah melibatkan **25 orang belia tempatan, pengusaha bot di Jeti Kampung Mawai Lama serta 3 buah rumah** (yang terletak berhadapan dengan jeti). Antara aktiviti yang dilakukan adalah pembinaan sebuah rumah rakit yang akan digunakan sepanjang tahun sebagai tempat penyimpanan

barangan dan tempat pemantauan keadaan semasa banjir serta sebagai pusat aktiviti komuniti semasa di luar tempoh banjir. Selain itu, turut diberikan bantuan kemudahan dan peralatan menghadapi bencana seperti pelampung, jaket keselamatan dan pemadam api.

Di samping itu, PMR 2025 Negeri Johor turut diserikan dengan **Majlis Perasmian Hari Belia Negara Peringkat Negeri Johor 2025 yang dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Hairi bin Md Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor**. Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Johor ini merupakan acara tahunan di peringkat negeri yang bertujuan sebagai penghargaan dan pengiktirafan daripada Kerajaan kepada golongan belia yang menyumbang kepada pembangunan negara khususnya di Negeri Johor. Seramai **3,000 orang belia** telah hadir bersama meraikan acara sambutan ini.

KBS selaku kementerian peneraju menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak merentasi kementerian/agensi persekutuan dan negeri, syarikat swasta, para usahawan dan khususnya warga Negeri Johor yang telah hadir menjayakan dan memeriahkan program ini. Penganjuran PMR 2025 Negeri Johor telah berjaya mencapai objektif serta merakyatkan program dan perkhidmatan kerajaan di akar umbi.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

